

Sekilas tentang Ghafar Baba

um - 30/4/2006

TUN Ghafar Baba, 81, kembali ke rahmatullah selepas 90 hari terlantar di hospital akibat komplikasi jantung, paru-paru dan buah pinggang. Tanggal 23 April lalu merupakan hari yang paling sedih bagi negara.

Bermakna juga negara kehilangan seorang pejuang yang bersikap sederhana.

Sebagai pejuang bangsa, Ghafar disemadikan bersama beberapa tokoh negara lain di Makam Pahlawan, Masjid Negara.

Allahyarham bukan sekadar pejuang kemerdekaan tetapi juga pengisi kepada kemerdekaan itu sendiri melalui sumbangannya dalam penubuhan dan menggerakkan agensi-agensi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat terutama yang di luar bandar.

Titisan air mata rakan-rakan seperjuangan jelas menunjukkan betapa mereka akan merasai kehilangan seorang pemimpin yang serba sederhana dalam pelbagai perkara.

Kepiuan ini turut amat dirasai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Allahyarham mula mengorak langkah untuk memperjuangkan nasib bangsa dan negaranya, apabila melibatkan diri dalam politik pada tahun 1940 dengan menyertai Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Melaka.

● Ketika itu usianya baru 15 tahun

Dari situ bermulalah perjuangan Ghafar untuk menuntut kemerdekaan dan kemudiannya mengisi kemerdekaan dengan pelbagai sumbangan kepada parti dan negara.

Kira-kira 11 tahun kemudian, bintang politik Allahyarham semakin terserlah apabila memegang beberapa jawatan seperti Pengerusi UMNO Melaka, Pegawai Penerangan UMNO Malaya, Setiausaha Agung Barisan Nasional dan Naib Presiden UMNO.

Sikap kesederhanaan dan bijak berdiplomasi telah membolehkan Ghafar yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1986 menangani apa juga masalah sama ada politik atau pentadbiran negara secara tenang.

Sebagai seorang pejuang, Ghafar tidak pernah mengenal erti kekecewaan, apatah kemewahan.

Walaupun sudah menjadi Timbalan Perdana Menteri, kehidupan dan perwatakan Ghafar tidak pernah berubah.

Justeru ia bukanlah suatu yang luar biasa apabila Ghafar yang raut wajah serius tetapi mudah didampingi ini bekerja di bawah empat Perdana Menteri.

Allahyarham pernah melaungkan kemerdekaan bersama Tunku Abdul Rahman, berjuang meningkat taraf hidup orang Melayu terutama di kawasan luar bandar di bawah Tun Abdul Razak, meneruskan kesinambungannya ketika pentadbiran Tun Hussein Onn dan berganding bahu dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad menghadapi krisis politik dan pentadbiran negara.

Walaupun tidak berada di dalam Kabinet hampir 10 tahun

Petikan menarik semasa hayatnya

● **PERNAH** terjadi ketika hendak mengambil peperiksaan, pen pun tak ada. Saya terpaksa pinjam pen dan pinjam duit kerana duit pun tak ada. Di samping belajar, saya menjalankan perniagaan menjual buku-buku...

● **SELAGI** saya masih hidup, segala masa saya, siang dan malam akan ditumpukan seluruhnya untuk memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat. Saya adalah berjiwa Melayu yang tak kenal mundur. Jika bangsa lain boleh maju, mengapa bangsa kita tidak.

● **ISLAM** tidak boleh menjadi contoh yang baik kepada orang-orang bukan Islam kalau para pemimpinnya sentiasa bercakaran sehingga timbul suasana seolah-olah dalam Islam wujud mazhab dan fatwa yang sengaja memecahbelahkan umat Islam.

mulai 1976 namun keringat dan bakti Ghafar kepada parti dan negara tidak pernah 'kering'.

Ketokohan dan kewibawaan Allahyarham sebagai seorang pejuang yang tidak mengenal erti putus asa terbukti apabila Allahyarham dipilih menjadi Presiden de facto MCA pada tahun 1985.

Kesederhanaan serta jiwanya yang lembut tetapi tegas telah mendorong Dr. Mahathir memilih Allahyarham menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986.

Sejak itu, sumbangan Ghafar kepada parti dan negara semakin memuncak, ini termasuklah merealisasikan penubuhan UMNO di Sabah.

Walaupun berundur secara sukarela pada tahun 1993 ketika menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, ia bukanlah satu langkah 'orang



GHAFTAR Baba memboncong motosikal ketika melawat Lubuk Mandi, Rusila pada 1 Mei 1989.

yang kecewa'.

Ghafar berundur demi menjaga kestabilan dan perpaduan parti, itu lebih penting daripada segala-galanya bagi Allahyarham.

Pemimpin dan ahli UMNO sudah pasti mengenang jasa Ghafar yang berjuang menghidupkan semula UMNO selepas diharamkan oleh Mahkamah Tinggi pada 1988 ekoran perpecahan akibat perebutan jawatan tertinggi parti pada Perhimpunan Agung UMNO 1987.

UMNO pulih dan kembali stabil seperti hari ini antaranya juga disebabkan oleh perjuangan Ghafar tanpa mengira pangkat, masa atau tenaga.

Ghafar dikenali sebagai suara yang sentiasa peka dalam menyampaikan pandangan rakyat biasa dan rakyat bawahan ke peringkat atasan.

Beliau bukan saja menampilkan perawakan sederhana yang bersifat kan kerakyatan tetapi sepanjang kariernya telah berjaya menolak sebarang gelaran dan terus dikenali hanya sebagai Encik Ghafar hinggalah beliau berundur dari politik apabila dianugerahkan dengan bintang yang membawa gelaran Tun.

Anak kelahiran Kuala Pilah ini datang daripada keluarga susah. Menjadi anak yatim dan terpaksa bersusah payah untuk mendapatkan pendidikan dan pendapatan. Itu juga pengalaman yang terpaksa dilalui oleh banyak orang di

negara ini ketika itu.

Ghafar berjaya menjadikan perjuangan politik untuk membela golongan ini dan apabila mendapat kesenangan kuasa dan wang terus tidak lupa dengan idealismenya.

Justeru beliau bukan sekadar berjaya dalam kerjaya politiknya. Allahyarham juga diingati kerana usahanya dalam memartabatkan ekonomi orang Melayu.

Antara sumbangan terbesar Ghafar ialah menubuhkan Amanah Saham Mara yang memperkenalkan orang Melayu kepada institusi pasaran saham dalam merubah tahap kehidupan mereka.

Biarpun jarang tersenyum, itu langsung tidak membimbangkan rakyat kerana mereka tahu betapa hatinya murni dan luhur.

Kepada parti-parti komponen BN, mereka kehilangan seorang tokoh yang telah memperlihatkan kematangan serta sentiasa menyampaikan suara perimbangan dalam perkara-perkara menyentuh isu sensitif berkaitan agama, kaum, budaya dan bahasa.

Dalam hubungan ini, sudah tentu ramai yang bersetuju Ghafar seorang pemimpin dan pejuang yang sukar dicari ganti.

Ironinya, Allahyarham disenangi kawan dan lawan politiknya sama ada di dalam UMNO mahupun pembangkang. Al-Fatihah